

BERITA HARIAN

30 sekolah kluster diumumkan

270 lagi boleh kemuka permohonan mulai April untuk dinilai kelayakan

Oleh Hanneeyzah Bariah Baharin

KUALA LUMPUR: Kementerian Pelajaran semalam mengumumkan kumpulan pertama 30 sekolah kluster yang akan menerajui kecemerlangan dan mewujudkan dimensi baru dalam pengurusan institusi pendidikan milik kerajaan di negara ini.

Pengumuman 30 sekolah berkenaan oleh Menteri, Datuk Seri Hishammuddin Hussein, adalah permulaan kepada pemilihan lebih banyak sekolah yang akan dimasukkan dalam kelompok sekolah kluster dengan pengurusan setiap sekolah akan diberikan autonomi dalam pentadbiran, pemilihan guru serta cara sekolah diuruskan bagi mencapai kecemerlangan.

Turut dinamakan dalam kelompok itu, Sekolah Kebangsaan Ulu Lubai di

“Tiada syarat tertentu untuk melayakkan sekolah untuk memohon pada peringkat awal, tetapi pencapaian akademik adalah aspek penting yang perlu diambil kira”

Hishammuddin Hussein
Menteri Pelajaran

Limbang, Sarawak, satu-satunya sekolah di pedalaman yang hanya boleh dihubungi melalui sungai serta tidak mempunyai talian telefon.

Bagi memantapkan program kluster itu, pengetua dan guru besar sekolah kluster akan mengikuti program lepasan ijazah intensif bidang kepimpinan dan pengurusan selama dua bulan di University of London-Kings College, United Kingdom (UK).

Hishammuddin berkata, 30 sekolah yang diumumkan semalam adalah permulaan dan sekolah lain yang berminat untuk disenaraikan dalam program ulung itu boleh mengemukakan permohonan kepada kementerian mulai esok.

Katanya, kementerian bersama Lembaga Penasihat Kluster akan menetapkan kriteria dan tatacara pemilihan sekolah yang layak.

“Baki 270 sekolah lagi boleh mengemukakan permohonan mulai April dan Lembaga Penasihat Kluster akan membuat penilaian dan menetapkan kriteria sekolah yang layak. Tiada syarat tertentu untuk melayakkan sesuatu sekolah untuk memohon pada peringkat awal, tetapi pencapaian akademik adalah satu aspek penting perlu diambil kira,” katanya pada sidang media selepas pengumuman 30 sekolah kluster pertama di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur, di sini, semalam.

Hadir sama, Timbalan Menteri Pelajaran, Datuk Noh Omar; Ketua Setiausaha Kementerian, Datuk Dr Zulkurnain Awang; dan Ketua Pengarah Pelajaran, Datuk Dr Ahamad Sipon.

Hishammuddin berkata, pegawai



CAPAI MATLAMAT: Sebahagian daripada 30 guru besar dan pengetua sekolah berkongsi kegembiraan apabila sekolah masing-masing dipilih menyertai Program Sekolah Kluster yang diumumkan pada pelancaran Program Melonjakkan Kecemerlangan Institusi Pendidikan di Kuala Lumpur, semalam.

pelajaran daerah juga diberi peluang mencadangkan nama sekolah yang dirasakan layak diklasifikasikan sebagai sekolah kluster.

Katanya, beliau juga sudah mengarahkan Lembaga Penasihat Kluster untuk mengadakan lawatan kerja ke beberapa negara pakar dalam sekolah kluster untuk mewujudkan penanda aras yang boleh digunakan di

negara ini.

Ditanya jika pengenalan sekolah kluster membolehkan kementerian menghentikan pelbagai kategori sekolah seperti sekolah pusat, premier, integrasi, bestari dan kawalan, beliau berkata, ia bergantung kepada kejayaan sekolah kluster.

“Dalam lima tahun ini, jika orang ramai dan pihak berkepentingan me-

lihat sistem kluster satu yang baik, maka tidak ada sebab untuk kita kekalkan sistem lain yang bertindih dan bercanggah dengan apa yang diperkenalkan hari ini.

“Sasaran menjelang 2010, pelbagai kategori sekolah yang sukar kita fahami sekarang ini akan dipermudahkan jika sistem kluster dapat diperkukuhkan,” katanya.

FAKTA

SELANGOR

- Kolej Islam Sultan Alam Shah
- SMK Sri Aman
- SJK Tamil Simpang Lima
- Sekolah Sultan Alam Shah

NEGERI SEMBILAN

- Kolej Tunku Kurshiah
- SMT Tuanku Jaafar

MELAKA

- SMKA Sharifah Rodziah

JOHOR

- SK Infant Jesus Convent
- SK Pengkalan Tereh

KUALA LUMPUR

- SMK Aminuddin Baki
- SMK Victoria
- SMK St John
- SMK Bukit Nenas

PERAK

- Kolej Melayu Kuala Kangsar
- SMK Gunung Rapat
- SK Sultan Idris 2

PULAU PINANG

- SMK Penang Free
- SMKA Al-Manshoor
- SK Pendidikan Khas Alma

KEDAH

- SMK Sultanah Asma
- SJK Cina Keat Hwa

PAHANG

- SMK Abdul Rahman Talib

TERENGGANU

- SMKA Sheikh Abdul Malek
- SMK Sultan Sulaiman

KELANTAN

- Sekolah Menengah Sains Tengku Muhammad Faris Petra
- Sekolah Kebangsaan Zainab 2

PERLIS

- SMK Derma

SABAH

- SMT Tawau
- SK Sri Gaya

SARAWAK

- SK Ulu Lubai